

**Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah
Seliaan JANM Negeri Sarawak**

Tuan/Puan,

**TATACARA PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT TERIMAAN, DEPOSIT
WANG TUNTUTAN BON PELAKSANAAN, DEPOSIT WANG
JAMINAN PELAKSANAAN DAN DEPOSIT BAYARAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 4 Tahun 2019 – Tatacara Pengurusan Akaun Deposit yang berkuatkuasa pada **25 Jun 2019**.

3. Sehubungan dengan itu, semua **Pusat Tanggungjawab (PTJ)** di bawah seliaan JANM Negeri Sarawak bertanggungjawab untuk memastikan tindakan berikut dipatuhi:

- 3.1 Permohonan mewujudkan Akaun Deposit Baharu hendaklah mendapatkan kelulusan Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA), JANM melalui Bahagian Akaun Kementerian/Jabatan masing-masing dengan mengemukakan surat litup dan melengkapkan Borang Permohonan Mewujudkan Kod Akaun Deposit seperti di **Lampiran A3 SPANM Bil. 4/2019**;
- 3.2 Semua akaun Deposit Am dan Deposit Pelarasan menggunakan **Dana Am (G000)** kecuali Deposit Kerja di bawah Kementerian Kerja Raya menggunakan **Dana P98**;
- 3.3 PTJ bertanggungjawab menyelenggara rekod berkaitan Akaun Deposit. PTJ yang menyelenggara Akaun Deposit Subsidiari dalam iGFMAS hendaklah merujuk kepada **Laporan Liabiliti Mengikut Kod Akaun Deposit (Terperinci)** sebagai **Buku Lejar Utama Akaun Deposit**. Format Buku Lejar Utama Akaun Deposit adalah seperti di **Lampiran A5 SPANM Bil. 4/2019**;
- 3.4 Baki Akaun Subsidiari tidak boleh berbaki **DEBIT**;
- 3.5 PTJ yang menyelenggara Akaun Deposit Terimaan, Wang Tuntutan Bon Pelaksanaan dan Wang Jaminan Pelaksanaan bertanggungjawab menyediakan **Senarai Baki Pendeposit**. Manakala bagi Deposit Bayaran, PTJ bertanggungjawab menyediakan **Senarai Baki Pemegang Deposit Kerajaan**. Format Senarai Baki Pendeposit dan Senarai Baki Pemegang Deposit Kerajaan adalah seperti di **Lampiran A7 SPANM Bil. 4/2019**;

- 3.6 Menyediakan **Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit** bagi Akaun Deposit Terimaan, Wang Tuntutan Bon Pelaksanaan dan Wang Jaminan Pelaksanaan seperti di **Lampiran A8 SPANM Bil. 4/2019**. PTJ dikehendaki untuk semak dan padankan transaksi debit/kredit di **Laporan Liabiliti Mengikut Kod Akaun Deposit (Terperinci)** dengan transaksi debit/kredit di **Laporan Kedudukan Subsidiari**;
- 3.7 Sekiranya terdapat perbezaan, sediakan **Penyata Penyesuaian Akaun Deposit** seperti di **Lampiran A8a SPANM Bil. 4/2019**;
- 3.8 Bagi Akaun Deposit Bayaran, PTJ bertanggungjawab menyediakan **Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit Bayaran** seperti di **Lampiran B1 SPANM Bil. 4/2019**. PTJ dikehendaki untuk semak dan padankan transaksi debit/kredit di **Laporan Aset Mengikut Kod Akaun Deposit (Terperinci)** dengan **Laporan Hasil Mengikut Kod Akaun (Terperinci) (jika berkaitan)**;
- 3.9 Sekiranya terdapat perbezaan, sediakan **Penyata Penyesuaian Akaun Deposit Bayaran** seperti di **Lampiran B1a SPANM Bil. 4/2019** dan senaraikan semua transaksi yang tidak diambil kira di dalam **Buku Lejar Utama Akaun Deposit** atau **Laporan Aset Mengikut Kod Akaun Deposit (Terperinci)** dan **Laporan Hasil Mengikut Kod Akaun (Terperinci) (jika berkaitan)** di Senarai A, B, C dan D (yang mana berkaitan) seperti di **Lampiran B1b SPANM Bil. 4/2019**;
- 3.10 Mengemukakan Sijil Pengesahan Baki dan Senarai Baki Pendeposit atau Senarai Baki Pemegang Deposit Kerajaan kepada **Bahagian Akaun Kementerian** dan disalinkan kepada **JANM Negeri Sarawak** untuk semakan dan pemantauan **selewat-lewatnya 14 haribulan** dari **hari pertama bekerja bulan berikutnya**;
- 3.11 **SURAT PERINGATAN** akan dikeluarkan sekiranya PTJ **GAGAL** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki dan Senarai Baki Pendeposit pada setiap bulan;

4. Untuk makluman jua, SPANM Bilangan 4 Tahun 2019 – Tatacara Pengurusan Akaun Deposit tersebut boleh dimuat turun di portal JANM (www.anm.gov.my) seperti berikut:

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Excellence Accounting @ Your Service

اكاونتتن نڠارا

UTAMA KORPORAT DIREKTORI PERAKAUNAN PERKHIDMATAN PEKELILING INFO/ARKIB SOALAN LAZIM HUBUNGI KAMI

Pekeliling

Semua Cari Tahun / Bil / Tajuk Pekeliling

Tahun 2019

Bil.	Pekeliling	Muat Turun
SPANM Bil. 1/2019	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 1 Tahun 2019 - Pelaksanaan Naziran oleh Pejabat Perakaunan membatalkan SPANM Bil.9 Tahun 2014 - Pelaksanaan Program Naziran Sistem Perancangan Dan Kawalan Bajet Elektronik (eSPKB)	Muat Turun
SPANM Bil. 2/2019	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 2 Tahun 2019 - Peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2019	Muat Turun
SPANM Bil. 3/2019	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2019 - Tatacara Pengurusan Terimaan	Muat Turun
SPANM Bil. 4/2019	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 4 Tahun 2019 - Tatacara Pengurusan Akaun Deposit	Muat Turun

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh berhubung dengan pegawai di Unit Akaun JANM Negeri Sarawak di talian 082-524524 sambungan 217/221/228/231/238/239/240/241. Perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

**UNIT AKAUN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SARAWAK**